

Menteri Luar Asean mahu temu Reagan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BANGKOK, Ahad — Menteri-Menteri Luar Asean merancang untuk berunding dengan Presiden Amerika Syarikat, Ronald Reagan apabila beliau melawat Jakarta Novem-ber ini, kata pegawai kanan Asean di sini hari ini.

Menurut mereka, Menteri-Menteri Luar itu akan mengadakan mesyuarat serentak dengan lawatan Presiden Reagan ke Jakarta.

Rumah Putih minggu

lalu mengumumkan Enck Reagan akan juga melawat Jepun dan Korea Selatan, tetapi tidak memberikan tarikh yang tetap bagi lawatan tersebut. Menurut pegawai-pegawai Amerika Syarikat, ia akan mengulangi pentingnya rantau ini kepada Amerika Syarikat.

Pegawai-pegawai Asean berkata, Menteri-Menteri Luar mereka gembira dengan pemilihan Enck Reagan untuk melawat Indonesia yang mengikut giliran adalah Pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean sekarang.

Mereka berkata kerajaan Amerika Syarikat telah menghubungi setiap ibu negara Asean mengenai cadangan Presiden Reagan untuk melawat rantau Asean.

"Oleh kerana beliau tidak mungkin dapat melawat semua ibunegara Asean, kami merasakan Jakarta yang menjadi ibu pejabat jawatankuasa giliran adalah tempat yang sesuai bagi lawatan Presiden Reagan", kata seorang pegawai Asean.

Bagaimanapun, Menteri-Menteri Luar Asean yang telah mengadakan mesyuarat tahunan mereka serta peraldangan sebelum dialog dengan Menteri-Menteri Luar negara-negara perusahaan utama dunia di sini lewat bulan lalu tidak bersetuju dengan cadangan supaya ketua-ketua negara Asean mene-

mul Presiden Reagan di Jakarta.

Para pegawai Asean berkata pertemuan seperti itu akan menjadi seperti sidang kemuncak yang dirasakan oleh ketua-ketua negara Asean sebagai tidak perlu kerana tidak ada masalah yang memerlukan perhatian mereka sama ada dalam kumpulan rantau ini atau dalam hubungan Amerika-Asean.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat, George Shultz memuji 'kemajuan ekonomi yang nyata' Asean dan berjanji menyokong pelaburan Amerika Syarikat di rantau ini dan menyediakan pasaran untuk barangan dari negara-negara Asean ketika beliau berada di sini untuk menghadiri dialog Asean-Amerika Syarikat bulan lalu. — Bernama.

4 mati dalam pertikaian politik